

NASAB KETURUNAN AL-QADRI: KAJIAN SUSUR GALUR LEGITIMASI NASAB WAN AZIZAN AL-QADRI AL - HUSSAINI DI SARAWAK

THE GENEALOGY OF THE AL-QADRI LINEAGE: A STUDY OF THE GENEALOGICAL TRACE AND LEGITIMACY OF THE LINEAGE OF WAN AZIZAN AL-QADRI AL-HUSSAINI IN SARAWAK

Dr. Hasfa Bakhry bin Hassan ¹

¹ Ketua Bahagian Penyelidikan Dan Penyelarasan JAKIM Sarawak.
Email: hasfasarjana82@gmail.com

Article history

Received date : 13-1-2026
Revised date : 14-1-2026
Accepted date : 6-3-2026
Published date : 12-3-2026

To cite this document:

Hassan, H. B. (2026). Nasab keturunan Al-Qadri: Kajian susur galur legitimasi nasab Wan Azizan Al-Qadri Al-Hussaini di Sarawak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 166 – 186

Abstrak: Penegasan dalam memelihara keturunan dan nasab khususnya nasab keturunan Rasulullah SAW adalah sangat penting bagi memelihara kesucian dan kemurnian jalur tersebut. Banyak dikalangan masyarakat yang mengaku berketurunan Rasulullah namun sebenarnya susur jalur yang dimiliki tidak mencukupi syarat-syarat yang persetujui oleh penjaga nasab (Badan berautotiti berkenaan hal nasab). Kesan daripada perkara ini ialah, banyak pemalsuan berlaku oleh kelompok yang tidak bertanggungjawab dengan menasabkan diri mereka kepada Rasulullah SAW. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dimana data-data yang dikumpul merupakan data primer, kajian perpustakaan dan observasi. Data-data tersebut diperolahi daripada pelbagai sumber di antaranya adalah daripada keluarga Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin sendiri, keluarga Kesultanan al-Qadri di Pontianak dan Garut, Indonesia, Salsilah Bugis dari Sulawesi Selatan, Pertubuhan Rabitah Alawiyyah, Jakarta, Maktab Daimi (المكتب الدئمية) Jakarta. Kajian ini juga dijalankan bagi menjelaskan kedudukan keluarga al-Qadri melalui nasab yang dipegang oleh keluarga Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin. Beliau telah berusaha untuk menyusun serta mendapatkan bahan bukti (mencari kebenaran) berkenaan nasab keluarga beliau. Usaha ini dilakukan oleh beliau kerana terdapat pandangan bahawa susur galur keluarga mereka bukanlah daripada kelompok Alawiyyin sebaliknya adalah daripada keturunan Bugis. Kesungguhan untuk mencari kebenaran merupakan motivasi beliau untuk melakukan pencarian sehingga 25 tahun (2025) dan akhirnya telah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Rabitah Alawiyyah, Jakarta.

Kata Kunci: Salsilah Al-Qadri Sarawak, Rabitah Alawiyyah al-Qadri, al-Qadri Sarawak, Wan Azizan Wan Zainal Abidin

Abstract: Emphasis on preserving lineage and ancestry—especially the lineage of the descendants of the Prophet Muhammad SAW—is crucial to safeguard the purity and authenticity of that noble line. Many people claim to be descendants of the Prophet, yet their genealogical records do not meet the conditions recognised by authorised lineage custodians.

As a result, numerous cases of falsification have occurred, committed by irresponsible individuals who attribute themselves to the Prophet SAW without valid basis. This study is qualitative research in which the collected data consists of primary sources, library research, and observations. These data were obtained from various sources, including the family of Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin, the al-Qadri Sultanate families in Pontianak and Garut, Indonesia, Bugis genealogical records from South Sulawesi, the Rabitah Alawiyyah Organisation in Jakarta, and Maktab Daimi (المكتب الدئمية), Jakarta. This study was also conducted to clarify the position of the al-Qadri family through the lineage held by the family of Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin. He made considerable effort to organise and obtain supporting evidence (in search of truth) regarding his family lineage. His efforts were driven by differing views suggesting that their family line did not originate from the Alawiyyin but rather from Bugis ancestry. His determination to seek the truth motivated him to continue the search for 25 years (until 2025), and he ultimately received formal recognition from the Rabitah Alawiyyah Organisation, Jakarta

Keyword: *Al-Qadry Sarawak, Rabitah Alawiyyah al-Qadri, Wan Azizan Wan Zainal Abidin.*

Pengenalan

Pemeliharaan nasab dalam keluarga merupakan salah satu daripada perkara yang terdapat dalam Islam. Dalam *Maqasid Syariah* juga, Rumaizuddin Ghazali mengatakan bahawa salah satu daripada lima (5) perkara yang perlu dipelihara (harta, nyawa, agama, akal) adalah memelihara nasab (keturunan) iaitu حفظ النسل (Ghazali, 2015). Di dalam kaedah *maqasid syariah*, terdapat *masalah* yang dijadikan pembahagian berdasarkan kepada tiga perkara iaitu *Hajiyat* (kemudahan dan kelapangan), *Tahsiniyyat* (kesempurnaan) dan *Darurriyat* (keperluan asas) (Syariah, 2021).

Terdapat dalam hadis baginda nabi SAW berkenaan dengan pemilihan calon isteri atau suami maka antara perkara yang perlu dilihat adalah berkenaan dengan nasab. Sabda Nabi SAW iaitu;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ
تُنكحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا، وَلِحَسْبِهَا، وَلِجَمَالِهَا، وَلِدِينِهَا، فَاطْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ
(مسلم).

Maksudnya :

Telah menceritakan kepada kami Zuhair bin Harb, Muhammad bin al-Mutsanna dan Ubaidillah bin Said. Mereka berkata, telah menceritakan kepada kami, Yahya bin Said dari Ubaidillah telah mengkhabarkan kepadaku, Said bin Abu Said dari ayahnya dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW bersabda ; Seorang wanita dinikahi kerana empat perkara, kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah agamanya nescaya kamu akan beruntung.

(Shahih Muslim no 2661) (Muslim)

Antara ciri yang ditekankan oleh baginda Nabi SAW adalah keperluan dalam memilih pasangan antaranya adalah dengan melihat keturunan pasangan tersebut. Ianya disebut sebagai *ad-dharuriyyah al-khams* di dalam *maqasid syariah*. Konsep menjaga keturunan yang ditekankan dalam *maqasid syariah* ialah jaminan kelestarian populasi umat manusia agar tetap hidup dan berkembang sihat dan kukuh., baik pekerti serta agamanya. Hal ini dapat dilakukan dalam

penataan kehidupan berumah tangga dengan memberikan Pendidikan dan kasih sayang kepada anak-anak agar memiliki kehalusan budi pekerti dan tingkat kecerdasan yang memadai. Nasab merupakan sesuatu yang amat penting dalam Islam. Hal ini terbukti dalam sejarah Islam ketika Rasulullah SAW telah mengambil Zaid bin Harithah sebagai anak angkat. Anak tersebut telah dinasabkan oleh orang ramai ketika itu kepada Nabi SAW dan kemudian Allah SWT menurunkan firmanNya dengan menegur nabi yang menasabkan anak tersebut kepada beliau. Allah SWT berfirman ;

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۖ وَمَا جَعَلَ أَرْوَاجَكُمْ اللَّائِي تَظَاهِرُونَ
مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ ۖ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۚ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ ۖ وَاللَّهُ
يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ
ادْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ ۚ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ
وَمَوَالِيكُمْ ۚ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۚ
وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya :

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan Dia tidak menjadikan istri-istrimu yang kamu zihar itu sebagai ibumu, dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataanmu di mulutmu saja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjukkan jalan (yang benar). Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapak-bapak mereka; itulah yang lebih adil pada sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapak-bapak mereka, maka (panggilah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Al-Ahzab : 4-5).

Berdasarkan dengan firman Allah di atas, daripada sudut pandangan penulis, maka tidak sepatutnya mereka yang bukan daripada keturunan Rasulullah SAW menasabkan diri mereka kepada baginda sekiranya mereka tidak pasti adalah lebih baik tidak menasabkan dengan Rasulullah SAW sebagaimana yang disebut pada ayat di atas.

Sorotan Kajian

Dalam suatu perkahwinan, terdapat tuntutan yang perlu diperhatikan untuk mewujudkan keluarga sakinah iaitu konsep Kafa'ah iaitu kesepadanan antara calon laki-laki dan wanita dalam berbagai hal seperti agama, nasab, harta dan sebagainya. Maka berdasarkan konsep kafa'ah inilah sebahagian daripada kalangan yang melarang pernikahan antara Syarifah dengan lelaki yang bukan Syarif kerana bukan sekufu. Perkahwinan antara Syarifah dengan bukan Syarif dianggap memutuskan nasab mulia yang terpelihara dari Rasulullah SAW. Menurut Al-Alamah Sayyid Abdulrahman bin Muhammad bin Husin al-Masyhur adalah seorang ulamak daripada kalangan Alawiyyin yang terkenal dengan kitabnya Bugyah al-Murtasyidin mengatakan bahawa seorang Syarifah tidak diperbolehkan menikahi seorang yang bukan Syarif

walaupun walinya ataupun keluarga terdekatnya merestuinnya. Alasannya adalah nasab yang mulia tersebut tidak dapat diraih atau disamakan (Awatif, 2019).

Perkara inilah yang dikhuatiri oleh para ahli Ba'alawi yang berpegang dengan pandangan Sayyid Abdurahman al-Masyhur jika ada dikalangan para Syarifah yang bernikah dengan bukan Sayyid ataupun Sayyid palsu.

Komuniti keluarga Ba'alawi sudah dikenali dalam masyarakat secara umum sebagai keturunan rasulullah SAW di tanah Jawa. Tidak sedikit diantara keturunan Ba'alawi yang terdapat di Indonesia dan Malaysia yang datang khususnya daripada Hadramaut, Yaman yang datang ke Malaysia dan Indonesia untuk berdakwah. Mereka menjadi ulamak dan berdakwah ke seluruh dunia untuk menyebarkan Islam. Sebagaimana yang disebut oleh al-Habib Alwi bin Thohir al-Haddad :

“Adapun hasil nyata dalam penyiaran agama Islam adalah daripada Syarif-Syarif bani Alawi”.

Dengan perantaraan mereka (bani Alawi) maka agama Islam tersebar ke rantau nusantara ini melalui raja-raja di tanah Jawa dan tanah Melayu. Walaupun terdapat selain daripada mereka seperti suku-suku daripada Hadramaut (bukan golongan Sayid) tapi mereka tidak meninggalkan kesan yang besar seperti kelompok Sayid daripada keturunan Rasulullah SAW (Muhammad Abdul Majid, 2024).

Sayyidina Zaid bin Arqam berkata, bahawa baginda Nabi SAW bersabda ;

قال رسول هلا صلى هلا عليه وسلم: إين اترك فيكم ما إن متسكتم به لن تضلوا بعدي
أحدمها أعظم من الآخر: كتاب هلا حبل ممدود من السماء إبل الأرض. وعت يت أهل بييت،
ولن يتفرقا حت يردا علي احلوض فانظرو كيف ختلقوين فيهما

Maksudnya :

Berkata Rasulullah SAW ; Sesungguhnya aku meninggalkan bagi kamu perkara yang jika kamu berpegang teguh kepadanya maka kamu sekali-kali tidak akan tersesat setelah aku tiada kelak. Yang terbesar antara yang lain adalah Kitabullah (al-Quran). Suatu tali yang akan keluar daripada langit ke bumi. Dan ithrahku, ahlu Bait (keluarga). Keduanya tidak akan terpisah sampai mendatangiku di telaga.

(Sunan Muslim No 2408, Sunan Tirmizi no 3788, Musnad Imam Ahmad bin Hambal, Mustadrak al-Hakim).

Keterangan hadis di atas bahawa kata Ithrah dan Ahlu Bait bermakna keturunan, keluarga dan kerabat Rasulullah SAW (Alawiyyah, 2023). Keluarga Alawiyyin secara umumnya mereka terkenal dengan nasab yang tersembung melalui Fatimah bintu Muhammad SAW dan Ali bin Abu Thalib. Secara khususnya Alawiyyin disebut dengan nama Ba'alawi (Bani Alwi) dan mereka adalah kelompok komuniti yang menghimpunkan zuriat Rasulullah SAW melalui jalur Alwi bin Ubaidillah bin Ahmad al-Muhajir sampai kepada Sayyidina Hussein bin Ali bin Abu Thalib RA. Mereka menjaga nasabnya serta didikannya sebagaimana keluarga turun menurun mereka sampai kepada Rasulullah SAW.

Menurut Saiful Anam dan Mokh. Yahya penekanan Kafa'ah dalam pernikahan kelompok Alawiyyin adalah sangat ketat khususnya antara Syarifah dan Syarif. Di kecamatan Pasar Kliwon, Surakarta, suatu kajian lapangan yang dilakukan pada 5 tahun terakhir, hanya terjadi 25 pernikahan antara Syarifah dan bukan Syarif. Di kawasan Pasar Kliwon juga terdapat Pejabat (Dipanggil Kantor) Dewan Pimpinan Cabang Rabitah Alawiyyah yang menjaga kelompok Ba'alawi di kawasan tersebut. (Saiful Anam, 2022)

Di peringkat Lembaga Rabitah Alawiyyah, kes yang melibatkan pernikahan antara Syarifah dengan bukan Syarif, ianya masih belum didatakan, namun pihak Lembaga Rabitah Alawiyyah sudah mengingatkan pihak keluarga agar tidak menikahkan Syarifah dengan bukan Syarif dengan tujuan menjaga kemuliaan nasab. Penekanaan terhadap kafa'ah sangat dijaga oleh kelompok Lembaga Rabitah Alawiyyah (Saiful Anam, 2022). Maka apabila seseorang yang mengaku sebagai Syarif, namun gagal membawakan data berkenaan dengan keabsahan keturunan tersebut, maka mereka boleh dikatakan memalsukan nasab bagi menikahi seorang Syarifah dan ini merupakan suatu pelanggaran yang sangat besar terhadap kelompok Ba'alawi. Tokoh terkenal di Surwakarta, Habib Novel bin Muhammad Alaydrus berkenaan dengan pandangan pernikahan dengan bukan Syarif, beliau juga mengambil pandangan Habib Al-Alamah Sayyid Abdulrahman bin Muhammad bin Husin al-Masyhur, iaitu bahawa seorang Syarifah yang dipinang oleh seorang laki-laki yang bukan daripada kalangan Syarif yang berketurunan Rasulullah SAW, maka aku tidak melihat ianya diperbolehkan pernikahan tersebut. Walaupun wanita keturunan Ahlu Bait Nabi SAW dan wali terdekatnya merestui. Ini kerana nasab yang mulia tersebut tidak dapat diraih dan disamakan (Saiful Anam, 2022).

Menurut Abu Yazid, Islam melarang seseorang menghapus nama / nasab keturunan daripada ayah kandungnya. Selain daripada masalah psikologi dan perkembangan keperibadian anak, masalah nasab atau keturunan juga berkaitan dengan Muharramat iaitu aturan tentang pernikahan bagi wanita-wanita yang haram dinikahi. Dalam tatacara hukum Islam, permasalahan ikatan darah atau keluarga sangat penting serta memiliki kesan yang sangat besar. Maka tuntutan untuk mengetahui keaslian nasab ini sangat penting agar diketahui aslinya kedudukan nasab tersebut kerana ianya juga mempunyai dampak atau kesan sosial (Abu Yazid Adnan Quthny, 2021).

Kepentingan penentuan nasab khususnya nasab Ba'alawi ini berdasarkan keterangan daripada Abu Dzar al-Ghifari, Rasulullah saw bersabda ;

مَنْ ادَّعَى إِلَى غَيْرِ أَبِيهِ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ غَيْرُ أَبِيهِ فَالْجَنَّةُ عَلَيْهِ حَرَامٌ، وَمَنْ ادَّعَى قَوْمًا لَيْسَ لَهُ فِيهِمْ نَسَبٌ فَلْيَتَّبِعُوا مَفْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

“Tidaklah seorang yang mengaku bernasab kepada lelaki yang bukan ayahnya, sedangkan ia mengetahuinya maka ia adalah seorang kafir. Dan siapa yang mengaku bernasab kepada suatu kaum yang bukan kaumnya, maka bersiaplah untuk mengambil tempat duduknya di neraka”.

(Riwayat Bukhari No 3508 Dan Muslim No 61)

Menurut Abu Yazid juga kedudukan nasab-nasab ini juga telah dibahagikan kepada beberapa bahagian menurut Rabitah Alawiyyah dalam ilmu nasab. Ianya diklasifikasikan kepada beberapa keadaan iaitu ;

1. *Shohihun Nasab*
2. *Masyhurun Nasab*
3. *Majhulun Nasab*
4. *Maskukun Nasab*
5. *Mardudun Nasab*
6. *Tahtal Bahas*
7. *Math'unun Nasab*

Shahihun Nasab ialah status nasab yang telah diteliti oleh Lembaga Rabitah Alawiyyah dan ianya selari dengan catatan pada buku besar atau yang telah di catat oleh Habib Ali bin Jaafar assegaiff iaitu rujukan utama Ba'alawi dalam penentuan nasab.

Masyhurun Nasab adalah status nasab seseorang yang diakui akan kebenarannya namun tidak terdapat dalam catatan buku besar. Nasab yang tidak ada catatan tidak dapat dimasukkan dalam buku besar namun kebenaran nasabnya didapati daripada keterangan keluarganya sendiri dan disokong oleh beberapa catatan/buku yang dapat dipercayai dan ianya diakui oleh ahli salsilah-salsilah nasab terdahulu Ba'alawi yang diakui keperibadian di masanya.

Majhulun Nasab adalah status nasab di mana apabila dilakukan penyelidikan, maka tidak ditemukan jalur nasab pada keluarga mereka. Ada beberapa penyebab terjadi perkara ini diantaranya ialah tidak memandang penting penjagaan nasab, kebodohan atau niat untuk memalsukan nasab.

Maskukun Nasab adalah status nasab yang diragukan kebenarannya kerana di dalam susuanannya terjadi kesalahan / terlompat beberapa nama berjaya dikesan. Hal ini mungkin terjadi kerana memandang ringan berkenaan susunan nasab atau berlaku sesuatu yang memungkinkan bertujuan untuk melakukan pemalsuan demi kepentingan status sosial dikalangan masyarakat.

Mardudun Nasab adalah status nasab seseorang yang dengan sengaja melakukan pemalsuan nasab iaitu mencantumkan beberapa nama yang tidak memiliki hubungan dengan susur galur nasab yang ada. Ataupun menisbahkan Namanya dengan kabilah tertentu berdasarkan dengan cerita / riwayat dari seseorang yang tidak memiliki ilmu nasab untuk mencari keuntungan dan kedudukan sosial dalam masyarakat. Hal yang mungkin juga berlaku ialah keinginan untuk menikahi Syarifah.

Tahtal Bahas adalah status nasab yang mana dalam penelitian pihak Lembaga, terdapat susunan yang tidak sempurna dalam susunan nama serta sejarah keluarga tersebut. Perkara ini boleh terjadi kerana beliau ditinggalkan oleh ibubapanya ketika kecil dan tidak mengetahui Sejarah keluarga dengan baik. Ketika dilihat sejarahnya, kemungkinan beliau diceritakan bahawa ibubapanya adalah syarif, maka pencarian yang dilakukan oleh beliau kemungkinan bersimpang siur. Jika dilakukan dengan teliti, nasab beliau kemungkinan boleh jatuh pada *Shahihun nasab* atau *Majhulun nasab* atau *mardudun nasab*. Ini bergantung dengan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pihak Lembaga Rabitah Alawiyyah.

Math'unun Nasab adalah status nasab yang tertolak. Ini kerana golongan ini terlahir dari perkahwinan luar syariat Islam. Terlahir daripada hubungan terlarang (haram) dan ianya didapati oleh saksi-saksi yang dipercayai. Perkara ini juga dikenal dengan cacat nasab.

Bagi kelompok Syarif atau Syarifah, pengiktirafan kebenaran nasab daripada mereka oleh badan-badan tertentu amatlah penting. Tuduhan terhadap memiliki nasab palsu merupakan suatu yang mengaibkan dan sebolehnya mereka yang memiliki nasab yang dikaitkan dengan Ba'alawi perlu memiliki bukti jelas berkenaan kedudukan keluarga mereka agar tidak terjadi fitnah. Salah satunya cara adalah dengan mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Rabitah Alawiyyah di Jakarta, Indonesia. Di Sarawak, mereka memiliki wakil bagi membantu proses pengiktirafan nasab keluarga daripada kalangan Ba'alawi iaitu Persatuan Asyaraaf Sarawak.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dibuat berdasarkan kepada beberapa tujuan. Antara tujuan kajian ini adalah;

- a) Membuktikan nasab keluarga Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin adalah daripada lajur al-Qadri yang sah.
- b) Menjelaskan bagaimana kaedah atau cara yang sebenar dalam membuktikan susur jalur keturunan sesuatu nasab khususnya daripada kalangan Alawiyyin iaitu Syed atau Syarifah,

Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang boleh ditimbulkan adalah dalam kajian ini adalah ;

- a) Bagaimana kita mengetahui bahawa adakah nasab keturunan Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin adalah daripada nasab al-Qadri?
- b) Apakah kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti nasab keturunan seseorang itu benar-benar daripada nasab khususnya keturunan rasulullah SAW?

Persoalan ini benar-benar sangat penting bagi memastikan bahawa tidak terdapat pengakuan palsu daripada individu-individu yang mengaku keturunan Rasulullah SAW atas kepentingan-kepentingan tertentu.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan berteraskan data data kualitatif. Kaedah analisis kandungan merupakan kaedah yang digunakan oleh para pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian melalui kandungan-kandungan tertentu dalam penulisan ilmiah ataupun bahan-bahan sekunder yang boleh disandarkan keabsahan maklumatnya. Ianya digunakan untuk mengukur, menganalisis bahan dan makna teks. Ianya juga digunakan untuk memperolehi keterangan, melakukan intepertasi atau makna sesuatu proses komunikasi yang merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kaedah kualitatif ini yang digunakan oleh pengkaji.

Pengkaji menggunakan analisis kandungan (*content Analysis*) dengan mengenalpasti maklumat yang diperolehi, mengkalirifikasi bahan dapatan serta mentafsir kandungan maklumat seperti bahan-bahan manuskrip yang ditemui, dokumen sejarah dan teks agama. Di samping itu juga, pengkaji menggunakan analisis Tematik iaitu mengenalpasti pola utama dalam data kualitatif seperti temu bual, pemerhatian dan dokumen. Proses pengesahan manuskrip dan kandungan adalah menggunakan pakar yang diiktiraf oleh Rabitah Alawiyyah iaitu daripada Maktab Daimi sendiri. Ketua Maktab Daimi sekarang adalah Habib Sehan bin Abdul Kadir Assegaf (Maktabdaimi, 2026).

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji beberapa kajian-kajian ilmiah yang terdapat dalam jurnal-jurnal universiti sama ada dalam negara ataupun luar negara. Termasuk juga dengan penulisan-penulisan khususnya berkaitan dengan nasab Alawiyyin yang terdapat di Indonesia. Pengkaji juga akan mengambil pandangan daripada tokoh-tokoh agama khususnya daripada kalangan para habaib dan sayyid yang mempunyai keahlian dalam bidang nasab-nasab dikalangan mereka.

Permasalahan Kajian

Pernikahan Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin dengan Sharifah Afifah bin Wan Morsidi pada tahun 2007 menimbulkan rasa keresahan di kalangan kelompok Ba'alawi di Sarawak, Malaysia. Ini kerana ada diantara kelompok Alawiyyin khususnya di Sarawak telah menuduh bahawa nasab keturunan Wan Zainal Abidin bin Wan Sanusi merupakan nasab yang bukan daripada kalangan Alawiyyin. Mereka merupakan nasab berketurunan Bugis. Ini merupakan pandangan popular yang di war-warkan dikalangan kelompok keluarga-keluarga Syarif di Sarawak terhadap keluarga Wan Azizan. Terdapat banyak pandangan yang dilemparkan kerana latarbelakang keluarga Wan Azizan ini yang suatu ketika dahulu boleh dikatakan mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Tuan Hj Wan Zainal Abidin merupakan bekas Setiausaha Politik kepada Tun Pehin Seri Hj Abdul Taib Mahmud. Berlaku pergolakan politik di Sarawak (Peristiwa Ming Court Hotel 1987), maka Tuan Hj Wan Zainal Abidin bin Wan Sanusi antara mereka yang terlibat dalam peristiwa tersebut (Liew, 2019).

Berikutan daripada peristiwa tersebut, Tuan Hj Wan Zainal Abidin meneruskan agenda kehidupan politiknya dengan berada di posisi pembangkang. Sepanjang karier politiknya beliau berada dalam berbagai parti politik dan sering menjadi sasaran musuh politik. Menurut Wan Azizan impak daripada perkara tersebut, ianya juga memainkan peranan terhadap pandangan berkenaan nasab keturunan keluarga mereka sehingga dikatakan memiliki nasab keturunan Ba'alawi palsu. Pada waktu dahulu, tidak seperti di Indonesia, di Sarawak Malaysia, penekanan terhadap keabsahan nasab keturunan Ba'alawi ini tidak begitu ditekankan sehingga kenyataan-kenyataan berkenaan dengan Wan atau Syed palsu ini bukan sesuatu yang perlu untuk difikirkan. Namun seiringan dengan masa yang berlalu, tuduhan terhadap keluarga Wan Zainal Abidin sebagai Syarif palsu ini sangat mengganggu fikiran Wan Azizan. Tuduhan seperti ini sangat mengaibkan sehingga keluarga Sharifah Afifah juga mendapat kesan daripada perkara tersebut. Kedua ibubapa Sharifah Afifah dikatakan telah menikahkan anaknya kepada Wan Palsu. Hal ini memberi dampak penggunaan nama Syed atau Wan atau Syarifah kepada anak-anak mereka kelak.

Sebenarnya kesedaran untuk mengetahui perihal nasab keluarga beliau sudah bermula awal lagi ketika beliau berusia 15 tahun. Menurut beliau, dia pernah ditegur oleh sahabatnya berkenaan dengan nasab keluarganya yang dikatakan palsu oleh ayah sahabat beliau tadi. Namun pada waktu tersebut, beliau tidak terlalu faham berkenaan dengan hal ehwal nasab ini, dan setelah berganjak dewasa, maka barulah beliau sedikit sebanyak faham berkenaan perkara tersebut. Semangat untuk mencari keluarga dan keabsahan nasab keluarga membuak-buak apabila setelah bertunang. Beliau ingin membuktikan bahawa keluarga mereka merupakan keluarga Ba'alawi daripada marga al-Qadri yang asli. Maka kajian ini merupakan suatu kajian berkenaan dengan keabsahan (Legimitasi) nasab al-Qadri Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin.

Latar Belakang Wan Azizan Wan Zainal Abidin Al- Qadri al-Hussaini.

Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin dilahirkan di Hospital Umum Sarawak (Sarawak General Hospital) di Kuching, Sarawak. Keluarga beliau berasal daripada Pendam (Sadong Jaya)

Samarahan. Ayah beliau, Wan Zainal Abidin bin Wan Sanusi memiliki dua orang isteri iaitu Sharifah Rokayah binti Wan Jawi (isteri pertama) dan Zamrud binti Wahid. Wan Azizan merupakan anak kelima daripada perkahwinan ayahnya bersama isteri pertama beliau iaitu Sharifah Rokayah binti Wan Jawi. Adik-beradik beliau bermula daripada abang sulung bernama Wan Azman, Wan Azlan, Wan Azrul, Wan Azizi, Wan Azizan, Wan Azizul dan Syarifah Nur Azalia.

Daripada isterinya ayahnya yang kedua iaitu Puan Zamrud binti Wahid, ayahandanya dikurniakan dengan enam orang anak iaitu Wan Azudin, Wan Azwan, Wan Azirul Azreen, Wan Azwin (meninggal tahun 2020), Syarifah Nur Azirah, Syarifah Nur Azlin.

Wan Azizan bin Wan Zainal Abidin telah mendirikan rumahtangga bersama dengan Sharifah Afifah binti Wan Morsidi yang berasal daripada daerah Sebuyau pada tahun 2007. Mereka dikurniakan seramai 4 orang anak (tahun 2025) iaitu Syed Umar Solihin, Sharifah Aisya Hawani, Sharifah Sara Hanifa dan Syed Husin al-Qadri. Mereka sekarang menetap di Kuching iaitu berhampiran dengan kawasan Bandar Baru Semariang, Sarawak. Beliau berpendidikan Bachelor of Business (Accounting), Swinburne University of Technology serta Advanced Diploma, Perkhidmatan Kewangan Institute of Business & Management Studies. Sekarang beliau merupakan Pengerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Negeri Sarawak. Beliau juga Pengarah Urusan Aplus Management & Corporate Service Sdn Bhd. Beberapa jawatan lain yang beliau pegang adalah Anggota Lembaga, Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad dan Lembaga Pengarah, Angkasa Resources & Consultancy Sdn Bhd (ARC).

Selain daripada memegang jawatan dalam bidang professional, Wan Azizan juga terlibat aktif dalam NGO yang banyak melakukan kerja-kerja amal dan bantuan kemanusiaan. Antara NGO yang beliau sertai antaranya adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sarawak. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua ABIM Sarawak dan WADAH Pencerdasan Umat Sarawak selaku Bendahari. Beliau turut terlibat dalam NGO Malaysian Relief Agency (MRA) Cawangan Sarawak, selaku Pengerusi sehingga sekarang. Misi terbaru yang telah dilaksanakan ialah misi bantuan banjir di Aceh (2025).

Salasilah Keturunan Wan Azizan Wan Zainal Abidin.

Berikut merupakan salasilah Wan Azizan al-Qadri menurut catatan dan data yang dapat dikumpulkan oleh beliau. Beliau merupakan keturunan ke-41 Bani Alawi yang dapat dinisbahkan sampai kepada Rasulullah SAW melalui jalur cucu baginda Saidina Hussein RA.

41. Wan Azizan bin
40. Zainal Abidin bin
39. Senusi bin (terdapat catatan dalam manuskrip yang di sahkan oleh Habib Ali Jaafar)
38. Abdullah bin
37. Umar bin
36. Ali bin
35. Muhammad bin
34. Husin Mempawah bin
33. Ahmad bin
32. Husin bin
31. Muhammad Al-Gadri Awwal bin
30. Salim bin

29. Abdullah bin
28. Muhammad bin
27. Salim bin
26. Ahmad bin
25. Abdurrahman bin
24. Ali bin
23. Muhammad Jamallullail bin
22. Hasan Al-Muallim bin
21. Muhammad Asadullah bin
20. Hasan At-Turabi bin
19. Ali bin
18. Muhammad Al-Faqih Al-Muqaddam bin
17. Ali bin
16. Muhammad Shohib Mirbath bin
15. Ali Khali Qasam bin
14. Alwi bin
13. Muhammad bin
12. Alawi (Ba A'lawi) bin
11. Ubaidillah bin
10. Ahmad Al-Muhajir bin
9. Isa Ar-Rumi bin
8. Muhammad An-Naqib bin
7. Ali Al-Uraidhi bin
6. Ja'afar As-Sadiq bin
5. Muhammad Al-Baqir bin
4. Ali Zainal Abidin bin
3. Husin bin
2. Fatimah binti
- 1. Muhammad Rasulullah SAW**

Dapatan Kajian

Setelah melalui beberapa perkara dan kejadian yang menurut Wan Azizan al-Qadri sesuatu yang perlu dirungkai sehingga tuntas dan diberikan jawapan berkenaan dengan status keluarganya, maka beliau secara serius ingin mendapatkan kepastian berkenaan dengan keluarga mereka agar permasalahan nasab ini dapat diselesaikan. Perkara ini sangat penting kerana mengakui keturunan Ba'alawi ini merupakan sesuatu yang sangat serius kerana ianya melibatkan status keturunan baginda Nabi SAW. Ianya juga melibatkan maruah keluarga beliau yang dituduh memalsukan nasab keturunan mereka sebagai keturunan rasulullah SAW.

Lundu, Sarawak

Sekitar tahun 2000, ketika zaman belia Wan Azizan al-Qadri berusia 18 tahun, beliau sudah mendengar melalui sahabat-sahabatnya yang syarif dan syarifah membicarakan berkenaan dengan nasab keluarga beliau yang merupakan keturunan bukan dari kalangan Syarif-Syarifah asli. Namun pada waktu tersebut, beliau masih belum faham benar berkenaan perkara tersebut. Jadi beliau bertanya dengan ayahnya berkenaan keturunan mereka. Lalu Tuan Hj Wan Zainal Abidin mengatakan mereka adalah keturunan Sayyid bermarga al-Qadri dan bahawa ada neneknya iaitu adik-beradik kepada Wan Senusi di Lundu. Maka beliau ke Lundu untuk berjumpa dengan neneknya yang merupakan adik kepada Wan Sanusi iaitu Sharifah Ramlah bin Syarif Abdullah. Pada waktu tersebut, tujuannya adalah sekadar ingin menjalinkan

hubungan silaturrahim yang lama telah terputus. Maka disinilah bermula awal daripada keinginan untuk mengenali keturunan beliau yang dikatakan berbangsa Bugis tetapi sebenarnya merupakan keturunan Syarif iaitu Syarif Abdullah yang berkahwin dengan wanita berbangsa Bugis di Sarawak iaitu Habsah binti Abu Bakar ketika beliau datang ke Sarawak. Hal ini tercatat dalam manuskrip yang dicatat oleh Syarif Hamzah di Garut. Anak-anak mereka ada lima orang iaitu Syarif Muhammad, Syarif Usman, Wan Sanusi, Syarifah Sapiah dan Syarifah Ramlah.

Ketika itu, beliau berjumpa dengan keluarga-keluarga Ba'alawi yang seumur dengannya dan menyatakan berkenaan perkara tersebut. Namun mereka hanya mendengar dan menyampaikan kepada orang tua mereka. Kecenderungan mereka masih menolak bahawa apa yang disampaikan oleh beliau adalah tidak tepat berdasarkan cerita-cerita yang mereka perolehi daripada orang-orang yang ada disekeliling mereka dari kalangan bangsawan.

ASYRAAF Sarawak

Dalam usaha awal pencarian, Wan Azizan pernah menghubungi individu yang aktif bergerak dalam Pertubuhan Asyraaf Sarawak dengan harapan yang menggunung. Pertubuhan ini merupakan suatu pertubuhan yang menaungi Syed-Syed se-Malaysia.

Pertubuhan ini telah didaftarkan dibawah akta pertubuhan ROS dengan nama asalnya Persatuan Kebajikan Ba-Alawi (PEKABA) di peringkat Kebangsaan pada tahun 2003. Nama persatuan ini di ubah pada tahun 2005 dengan nama Persatuan Kebajikan Asyraaf Malaysia (Asyraaf) (AdminAsyraaf2014, 2015).

Beliau memohon pandangan dan bantuan daripada pihak Asraaf Sarawak bagi membantu beliau mencari nasab keturunan al-Qadri. Namun persepsi tentang keluarga beliau sejak tahun 1971 yang telah tertanam secara warisan berkenaan dengan keluarga beliau menyebabkan beliau diberikan kerjasama yang hambar. Ketika di tahun akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda beliau di Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak pada tahun 2007, Wan Azizan al-Qadri telah mengikat tali pertunangan dengan seorang Sharifah daripada Sebuyau, Sarawak. Sebuyau adalah sebuah perkampungan asal di kawasan pedalaman Sarawak dan cukup dikenali kerana di situlah sebahagian besar keturunan Syed-Wan-Sharifah berasal dan penduduknya majoriti daripada keturunan ini.

Pertunangan ini rupanya menimbulkan ketidakselesaian bagi sebahagian keluarga di Sebuyau dan menjadi buah mulut sehinggakan sekurang-kurangnya dua kali usaha dibuat oleh pihak tertentu dengan niat agar bakal mertua Wan Azizan al-Qadri ketika itu menimbang semula untuk tidak meneruskan pernikahan kerana Wan Azizan al-Qadri adalah bukan Wan ori dan keturunan Wan palsu atau Wan celup. Melihatkan kepada penolakan ini yang telah dibuat secara fizikal dan menjadi buah mulut serta umpatan di kalangan masyarakat Sebuyau dan lingkungan keluarga Syed-Wan-Sharifah di kawasan lain di Sarawak, Wan Azizan al-Qadri telah bertekad untuk mencari nasab keturunannya dengan bersungguh-sungguh demi membersihkan nama ayah dan arwah ibunya, bakal isteri dan bakal mertua sekaligus keturunannya yang bakal lahir dripada pernikahan itu kelak.

Ketika dalam tempoh pertunangan itulah setelah tidak mendapat bantuan yang diharapkan daripada pihak pertubuhan maka beliau menggerakkan usaha secara bersendirian. Melalui platform blogspot dan Friendster, beliau berkenalan dengan Syarif Ahmad Zulkarnain bin Mochdar al-Qadri (Wan Zul) dari Pontianak pada tahun 2007 dan di situlah yang menjadi *turning poin* kepada pencarian beliau. Perkenalan dengan Wan Zul berterusan sehingga beliau menamatkan pengajian di universiti. Hanya setelah bekerja dan mempunyai pendapatan tetap

sendiri, barulah beliau merancang untuk menjemput Wan Zul ke Sarawak. Oleh kerana keterbatasan kewangan pada awal pernikahan, Wan Azizan al-Qadri hanya dapat bertanya dan bertukar maklumat dengan Wan Zul melalui emel.

Di kalangan keluarga beliau, Wan Azizan al-Qadri menggerakkan usaha ini secara berseorangan kerana ahli keluarga yang lain melihat tiada keperluan dan kepentingan untuk mencari susur jalur keluarga. Ini disebabkan antaranya mereka sudah menerima dan lali dengan label keturunan Bugis dan tiada di antara mereka yang menikah dengan Sharifah atau Syed-Wan. Pernah sesekali Wan Azizan al-Qadri dibantu oleh seorang saudara kandungnya kerana bersimpati melihat beliau mencari sesuatu yang tidak pasti. Sehingga beliau mendapat kerja sebagai tutor di Kolej PTPL dan mendapat gaji yang lebih baik, akhirnya Wan Zul dijemput datang ke Kuching, Sarawak bagi membantu usaha pencarian beliau. Semasa di Kuching barulah beliau dimaklumkan oleh Wan Zul yang Wan Zul mempunyai ayah saudara (adik kepada ayahnya) yang bernama Wan Saleh al-Qadri yang tinggal Kuching, Sarawak.

Wan Zul merupakan Syarif di kalangan al-Qadri dari jalur Sultan Syarif Abdul Rahman al-Qadri iaitu pengasas dan Sultan Pontianak yang pertama. Jalur ini juga seringkali disebut sebagai jalur Keraton dan mempunyai pecahan keturunan yang paling ramai kerana Sultan itu sendiri mempunyai 33 orang anak lelaki. Ada sumber mengatakan 34 orang. Wan Zul berusaha untuk membantu Wan Azizan berdasarkan pengetahuan beliau berkenaan nasab Alawiyyin dan data-data yang beliau kumpulkan selama bergerak secara kumpulan kecil. Dia kemudiannya diketahui sebagai penelusur nasab yang mungkin bukan yang diiktiraf oleh Rabitah Alawiyyah dan Naqobatul Asyraf, namun pada waktu itu, dengan kehadiran Syarif Ahmad Zulkarnain ini sudah cukup memberikan semangat kepada beliau.

Syarif Ahmad Zulkarnain atau Wan Zul telah datang ke Sarawak dan bertemu dengan ayahanda Wan Azizan dan lain-lain keluarga yang mempunyai kaitan serta datang ke kawasan Pendam, Sarawak, menemuramah beberapa keluarga Bugis serta melakukan catatan-catatan yang ada kaitan dengan keturunan al-Qadri khususnya tentang Wan Senusi dan Syed Abdullah.

Wan Zul ini telah melakukan penelitian bagi membantu Wan Azizan al-Qadri serta melakukan perbandingan dengan apa maklumat berkenaan nasab al-Qadri di Pontianak serta catatan-catatan nasab yang dimiliki oleh beliau. Perkara ini tidak dilakukan oleh mana-mana organisasi atau persatuan yang ada di Sarawak bagi membantu beliau. Kehadiran Wan Zul ini sangat membantu Wan Azizan al-Qadri dalam usahanya. Setelah kedatangan Wan Zul al-Qadri kali pertama ke Sarawak, beliau datang semula pada kali kedua sekitar bulan Jun 2009 dengan membawa catatan manuskrip nasab al-Qadri dari Pontianak. Menurut Wan Zul, beliau mendapati bahawa setelah penelitian yang dilakukan beliau, untuk kali pertama Wan Azizan melihat naskah manuskrip Pontianak salasilah jalur al-Qadri dan Wan Zul mengatakan bahawa dia meyakini bahawa jalur nasab keturunan Wan Azizan al-Qadri adalah melalui jalur salasilah yang sama ada pada manuskrip tersebut (Azizan, 2026).

Wan Zul kembali semula ke Pontianak, Indonesia dengan mengatakan bahawa, dia cuba untuk mendapatkan kepastian jalur salasilah Pontianak ini dengan keturunan Wan Azizan dan akhirnya pada bulan Ogos 2009, beliau menghubungi Wan Azizan yang ketika itu menginap di Hotel Zuhra, Sibu dengan mengatakan bahawa dia telah mendapatkan kepastian bahawa keturunan Wan Azizan ini adalah daripada jalur yang dinyatakan dalam salasilah Pontianak iaitu jalur Syarif Umar bin Syarif Ali bin Syarif Muhammad bin Habib Husin al-Qadri Tuan Besar Mempawah. Daripada Syarif Umar turun kepada anaknya Syarif Abdullah kepada

anaknya yang dikatakan hanya ada dua iaitu Muhammad dan Uthman. Melalui penelusuran Wan Zul, beliau ada berjumpa waris keturunan dari Syarif Ahmad bin Syarif Umar dan melalui keturunan itulah ada disebutkan bahawa Syarif Ahmad pernah datang ke Sarawak bersama ayahnya Syarif Umar dan saudara kandungnya Syarif Abdullah dan mengatakan bahawa dia mempunyai anak saudara. Anak saudara ini bermaksud bahawa Syarif Ahmad mengetahui saudaranya iaitu Syarif Abdullah telah bernikah semula dengan orang Bugis dan mempunyai keturunan hasil dari pernikahan tersebut (Azizan, 2026).

Melalui sumber waris dari Syarif Ahmad inilah Wan Zul akhirnya membenarkan kisah keberadaan saudara kandung kepada Syarif Ahmad iaitu Syarif Abdullah bin Syarif Umar sekaligus meyakini bahawa jalur yang terdapat di salasilah Pontianak itu adalah jalur dari keluarga Wan Azizan al-Qadri yang berhijrah ke Pendam, Sarawak pada tahun 1926. Perkara ini pada awalnya hanya disahkan melalui kisah yang diriwayatkan melalui Wan Zul di Pontianak sebelum ditemukan manuskrip di Garut, Indonesia. Maka dalam pencarian ini, Syarif Ahmad Zulkarnain atau Wan Zul inilah yang pertama sekali menemukan jalur Wan Sanusi ini dalam pencarian nasab Wan Azizan al-Qadri melalui data yang ditemukan beliau di Sarawak dengan data yang beliau ada di Pontianak, Indonesia (Azizan, 2026).

Maka dalam pencarian ini, Syarif Ahmad Zulkarnain atau Wan Zul inilah orang yang pertama sekali menemukan jalur Wan Sanusi ini dalam pencarian nasab Wan Azizan al-Qadri melalui data yang ditemukan beliau di Sarawak dengan data yang beliau ada di Pontianak, Indonesia pada bulan Ogos tahun 2009. Perkara ini telah disampaikan kepada pihak Asyraaf, dan maklumat ini ditolak kerana mereka mengatakan bahawa Syarif Ahmad Zulkarnain adalah kumpulan yang melawan arus perdana Bani Alawiyyin di Pontianak. Maksudnya, Syarif Ahmad Zulkarnain tidak patuh kepada Salasilah Al-Qadri di Pontianak yang menyatakan bahawa anak daripada Syarif Abdullah al-Qadri ini hanya ada dua dari isterinya yang ada di Pontianak iaitu Syarif Muhammad dan Syarif Uthman sahaja. Pada tahun 2023, Wan Azizan al-Qadri dimaklumkan bahawa Syarif Ahmad Zulkarnain telah kembali kerahmatullah di Pontianak, Indonesia (Azizan, 2026).

Kesultanan Al-Qadri di Pontianak

Melalui hubungan dengan Syarif Ahmad Zulkarnain atau Wan Zul, Wan Azizan al-Qadri juga telah berkenalan dengan ramai dikalangan Syarif-Syarif al-Qadri di Pontianak dalam kumpulan yang sama dengan Wan Zul. Kumpulan ini telah menubuhkan sebuah badan berdaftar yang dikenali dengan Jamiatul Gadriyah Jamallullail (JGJ) yang bertanggungjawab menguruskan tentang nasab keluarga al-Qadri di Indonesia dan luar Indonesia. Melalui JGJ, Wan Azizan al-Qadri telah menerima igomah (kad) sebagai pengiktirafan tentang kebenaran jalur keluarganya yang mana kad itu telah ditandatangani perakuannya oleh Ketua Bidang Nasab (KABID) JGJ iaitu Wan Zul sendiri dan Syarif Hamid al-Qadri sebagai Ketua JGJ. JGJ kemudiannya berpecah dan Syarif Hamid al-Qadri juga mengundurkan diri sebagai Ketua Organisasi kerana isu dalaman antara pengurus. Syarif Hamid al-Qadri sekarang merupakan salah seorang Panglima Kesultanan Pontianak.

Wan Azizan al-Qadri meneruskan silaturahim dengan rakan-rakan di Facebook khususnya yang menggunakan gelar al-Qadri. Di antaranya adalah Syarif Abdul Rahman bin Syarif Ali yang kemudiannya diketahui bahawa Syarif Abdul Rahman ini adalah pembantu khas kepada Sultan Pontianak sekarang iaitu Sultan Syarif Mahmud Melvin al-Qadri. Pada awalnya, perkenalan itu merupakan perkenalan biasa tanpa membincangkan hal-hal berkaitan salasilah. Sehingga pada bulan Oktober 2018 ketika mana Wan Azizan al-Qadri mengikuti program bantuan

kemanusiaan di Palu, Sulawesi di bawah organisasi Malaysian Relief Agency (MRA) Malaysia, gambar-gambar yang beliau kongsi semasa di sana dilihat oleh Syarif Abdul Rahman al-Qadri di Facebook dan beliau menghubungi Wan Azizan al-Qadri mengatakan bahawa keluarganya berada di Palu juga. Syarif Abdul Rahman al-Qadri terus menghubungi abangnya yang bernama Syarif Hassan bin Syarif Ali al-Qadri untuk menemui Wan Azizan al-Qadri di rumah rehat MRA di Palu dan di bawa ke rumah keluarga mereka. Ketika itu jugalah Syarif Hassan bin Syarif Ali memberitahu kepada Wan Azizan al-Qadri bahawa pada tahun 1980-an beliau pernah bekerja dengan ayah Wan Azizan al-Qadri semasa di Kuching dan boleh menyebut dengan tepat nama pekerja Bugis, tempat pejabat dan rumah ayah Wan Azizan al-Qadri iaitu Wan Zainal Abidin. Di situlah bermuanyanya perkenalan yang lebih dekat dengan Syarif Hassan bin Syarif Ali al-Qadri dan adiknya Syarif Abdul Rahman bin Syarif Ali al-Qadri. Dan di saat itu jugalah Syarif Hassan bin Syarif Ali al-Qadri memberikan kesaksian di hadapan ahli keluarganya di Palu bahawa Wan Azizan al-Qadri adalah benar seorang Sayyid/Syarif bermarga al-Qadri. Ini merupakan pengiktirafan kedua setelah Syarif Ahmad Zulkarnain. Syarif Hassan menerima tanpa ragu Wan Azizan ini merupakan keturunan al-Qadri. Kelompok Syarif Hassan ini juga adalah kelompok yang menolak Syarif Ahmad Zulkarnain tadi, namun perkenalan beliau dengan Wan Zainal Abidin sekian lama tanpa ragu mengatakan bahawa mereka adalah benar bermarga al-Qadri.

Hikmah ANGKASA

Ditakdirkan pada bulan April 2019, Wan Azizan al-Qadri dipilih menjadi Pengerusi ANGKASA negeri Sarawak. ANGKASA merupakan koperasi induk di Malaysia yang menaungi keseluruhan gerakan koperasi. Kedudukan beliau sebagai Pengerusi ANGKASA memberikan banyak kelebihan untuk bergerak ke banyak tempat dan menjalinkan hubungan dengan koperasi dari negara jiran. Platform ini akhirnya menemukan Wan Azizan al-Qadri secara langsung dengan Sultan Pontianak melalui Syarif Abdul Rahman al-Qadri dan akhirnya kerjasama dibentuk dengan Sultan Pontianak menubuhkan Koperasi Mahkota Khatulistiwa Abadi di Pontianak. Selain urusan rasmi juga, Wan Azizan al-Qadri tetap masih mahu mengukuhkan pencarian beliau walaupun telah disahkan Wan Zul melalui penelusuran Wan Zul pada tahun 2008-2009. Hasrat itu disuarakan kepada Syarif Abdul Rahman al-Qadri yang mana beliau kemudiannya memperkenalkan Wan Azizan al-Qadri kepada Panglima Syarif Hasan bin Syarif Umar al-Qadri, Pangeran Singa Pati Kesultanan Pontianak, salah seorang Panglima Sultan yang telah berkhidmat sejak dari zaman Sultan Abu Bakar al-Qadri iaitu ayah kepada Sultan Syarif Mahmud Melvin al-Qadri.

Menurut Syarif Abdul Rahman al-Qadri, Panglima Syarif Hasan al-Qadri adalah seorang penelusur nasab al-Qadri dan ditunjukkan Sultan sebagai orang kepercayaan di kalangan Panglima dalam menguruskan tentang nasab al-Qadri. Bermula daripada situ, Panglima Hassan banyak membantu Wan Azizan al-Qadri dalam pencarian nasab keluarga beliau. Pengetahuan Panglima Hassan ini sangat luar biasa kerana beliau telah banyak merantau dan berjumpa dengan bermacam hal yang ada kaitan dengan nasab khususnya nasab al-Qadri di Indonesia. Beliau mendapat sokongan penuh daripada Sultan Pontianak dan dalam setiap urusan yang berkaitan dengan penelusuran nasab, beliau akan mendapatkan restu dari Sultan untuk menguruskannya.

Risalah Garut

Setelah perkenalan dengan Syarif Panglima Hasan dari Istana Kadariah Pontianak, Wan Azizan dimasukkan Panglima Hasan dalam kumpulan al-Qadri di *Whassap Group* yang mana 98% adalah al-Qadri Indonesia. Usaha Panglima Hasan tersebut membuka ruang kepada Wan

Azizan untuk mengenali lebih ramai Syed dari marga al-Qadri dari Indonesia khususnya (Azizan, 2026).

Pada Disember 2023, Wan Azizan al-Qadri melontarkan pertanyaan di dalam group tersebut adakah sesiapa yang dari jalur Syarif Muhammad atau Syarif Abu Bakar bin Habib Hussein Mempawah. Beliau mengatakan bahawa beliau daripada Sarawak, Malaysia dan ingin mencari salasilah keluarga dari jalur keturunan yang sama. Pertanyaan beliau hanya dijawab salam oleh ahli kumpulan. Namun salah seorang ahli kumpulan al-Qadri menjawab bahawa dia pernah membaca catatan moyangnya berkenaan keluarga Syarif Muhammad bin Habib Hussein al-Qadri Sohibil Mempawah yang datang ke Sarawak. Dia menyebut dengan jelas ketika itu iaitu Syarif Umar bin Ali bin Muhammad bin Habib Husein Mempawah ke Serawak. Hal tersebut membuatkan Wan Azizan terkejut dan segera menghubungi individu tersebut yang dikenali dengan nama Abdullah Ghaniyun bin Afandi bin Abdus Somad bin Enjoh Hamzah bin Abdul Ghani bin Alwi bin Abdullah bin Abu Bakar Tsani bin Sultan Usman bin Sultan Abdul Rahman al-Qadri (Azizan, 2026).


Wan Azizan al-Qadri terus bertanya berkenaan tentang apa yang disebutkan Abdullah Ghaniyun dan beliau cukup yakin dengan ingatannya kerana beliau sendiri yang membacanya dalam manuskrip dan sebahagiannya dalam naskhah Quran lama tulisan tangan yang ditulis oleh datuk kepada Enjoh Hamzah. Abdullah Ghaniyun sempat mengatakan bahawa selama ini dia juga tertanya-tanya tentang tempat yang bernama Santubong dan Sarawak yang dinyatakan dalam manuskrip tersebut dan menganggapnya adalah sebahagian dari Indonesia. Usaha Wan Azizan memujuk Abdullah Ghaniyun untuk berkongsi manuskrip tersebut tapi ditolak malahan Abdullah Ghaniyun mengajaknya ke Garut, Jawa Barat, Indonesia untuk melihatnya sendiri. Hal tersebut adalah satu kebiasaan kerana manuskrip yang berkaitan dengan sesuatu salasilah tidak boleh dikongsi sewenangnyanya lebih-lebih lagi dengan orang yang baru dikenali. Seterusnya beliau memohon bantuan Panglima Hasan dan akhirnya dengan pengaruh beliau, Abdullah Ghaniyun akhirnya bersetuju mencari semula manuskrip tersebut dan mengambil gambar lalu dikongsikan kepada Panglima Hasan dan Wan Azizan (Azizan, 2026).

Panglima Hassan menyatakan bahawa beliau pernah ke Garut dan bertemu dengan Syarif Abdullah ini sebelum ini. Beliau juga yang bertanggungjawab menyelesaikan isu fitnah yang berlaku kepada keluarga Syarif Abdullah atau Abdullah Ganiyun yang dikatakan kumpulan Syarif palsu. Atas jasa Panglima Hasan inilah membuatkan Abdullah Ganiyun bersetuju kepada permintaan beliau. Terdapat hampir sepuluh manuskrip Garut yang mencatatkan tentang keturunan dari jalur Syarif Muhammad bin Habib Hussein yang ke Sarawak. Ini termasuk dalam bentuk manaqib dan salasilah yang mempunyai keunikan sendiri iaitu memerlukan cahaya UV untuk dibaca tulisan rahsianya di samping perlu direndam dalam air untuk menjadikan tulisan tersebut lebih jelas. Catatan Garut adalah hasil penelusuran sendiri Habib Enjoh Hamzah al-Qadri dan Habib Jaafar As-Seggaf antara tahun 1936-1950 dan telah ditashih/disahkan oleh Habib Ali bin Jaafar Asseggaf, an-Nasabah yang cukup dikenali sebagai perintis kepada usaha mendatakan keturunan Syed di Indonesia dan nusantara. Pengesahan ini juga disokong melalui cop rasmi Habib Ali bin Jaafar As-Seggaf yang telah membuat semakan secara terperinci (Azizan, 2026).

Antara yang tertulis pada manaqib dan salasilah menyatakan dengan jelas menyatakan Syarif Abdullah bin Umar bin Ali bin Muhammad bin Habib Husein al-Qadri mempunyai lima (5) orang anak iaitu Muhammad, Usman, Senusi Zarnuji, Sofiah dan Romlah, Tiga anaknya yang

terakhir yaitu Syarif Senusi Zarnuji, Sofiah dan Romlah adalah anak daripada pernikahan beliau dengan wanita berketurunan Bugis (Azizan, 2026).

Manuskrip Keluarga Wan Azizan al-Qadri yang telah disahkan oleh Ketua Maktab Daimi yang pertama iaitu Habib Ali bin Jaafar Assegaf pada 4 Julai 1942.



Manuskrip Garut Catatan Syarif Hamzah@Ejoh Hamzah al-Qadri

Terjemahan Manuskrip

Bagian Pembuka (Bahasa Arab): "Dan sesungguhnya beliau di dalam negeri yang fana ini (dunia), termasuk keturunan Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam. Walaupun manusia memiliki ilmu, namun sesungguhnya zaman ini adalah zaman peperangan. Dan ini adalah silsilah dari keturunan Al-Qadri di wilayah Zawiyah, Malaya (Malaysia), dan wilayah bumi lainnya. Karena sesungguhnya keturunan Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam telah terpencah di setiap penjuru bumi. Dan Allah menjadikan mereka sebagai penjaga keamanan bumi dan pembawa kemaslahatan..."

Isi Silsilah (Bahasa Sunda ke Indonesia):

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Dari pemilik kemuliaan, Al-Habib Husein Al-Qadri.

Syarif Muhammad

Mempunyai anak: Ali

Mempunyai anak: Umar

Mempunyai anak: Abdulloh

Mempunyai anak:

Sanusi Zarnuji

Muhammad Qurthubi

Romlah

Utsman

Keturunan Sultan Syarif Abdurrahman bin Syarif Husein Mempawah:

Mempunyai anak: Sultan Utsman bin Sultan Abdurrahman Al-Qadri

Mempunyai anak:

Abu Bakar Tsany bin Utsman

Abdulloh bin Utsman

Syarif Hamid

Rincian Keturunan:

1. Jalur Abu Bakar Tsany bin Sultan Utsman:

Mempunyai anak: Syarif Alwy bin Abu Bakar Tsany

Mempunyai anak: Abdulloh bin Syarif Alwi

Mempunyai anak: Abdul Ghany bin Abdulloh Al-Qadri

Mempunyai anak: Hamzah bin Abdul Ghani

Mempunyai anak: Abdusshomad Warsya

2. Jalur Syarif Abdulloh bin Sultan Utsman:

Mempunyai anak:

Rozab (Mempunyai anak: Abdu Manaf dan Mutholib)

Muhammad (Mempunyai anak: Ali, Umar, Hasan, Husein)

Abdulloh Utsman

3. Jalur Syarif Abdulloh Utsman bin Utsman:

Mempunyai anak: Abdulloh, Umar, Abu Bakar, dan Abdul Qodir.

4. Jalur Syarif Hamid bin Sultan Utsman:

Mempunyai anak: Yusuf Al-Qadri bin Sultan Utsman.

Bagian Penutup (Bahasa Sunda)

Ini adalah catatan saya, agar saudara-saudara saya tahu dan mengerti, karena yang sudah jelas ini adalah silsilah yang sah (valid) yang telah diverifikasi oleh Al Habib Ali bin Ja'far Assegaf. Pesan saya untuk saudara, carilah di mana pun keberadaannya, sebab menyambung persaudaraan itu adalah silaturahmi. Saya, Enjoh Hamzah, mencatat dalam kitab ini pada tanggal 3 Juli tahun 1942. Harapan saya, semoga saya panjang umur dan semoga dikabulkan oleh Allah, Amin ya Rabbal Alamin. Saudara-saudara saya yang dari marga Al Qadri banyak yang berada di daerah Sumbawa dan juga di Brunei. Saya sengaja mencatatnya agar jangan sampai lupa, saya tulis dalam kitab ini. Meskipun dalam kitab ini sudah saya sahkan dan saya perlihatkan kepada sahabat saya, sang ahli nasab Al Habib Ali bin Ja'far Assegaf, bahwa silsilah ini benar dari Al Qadri. Semoga menjadi berkah untuk semuanya. Saya, Enjoh Hamzah, menulis ini di Palembang jam 10 malam. Insya Allah besok saya akan pergi ke Gresik bersama sang ahli nasab, Habib Ali bin Ja'far Assegaf.

Sejarah saya ini harus dijaga dan dipelihara dengan baik.

Palembang, 3 Juli 1942

Al Habib Ali bin Ja'far Assegaf

Penolakan Rabitah Alawiyyah Cabang Pontianak

Antara perkara yang menjadi cabaran kepada Wan Azizan adalah terjadi perbezaan pandangan daripada pihak Rabitah Alawiyyah (Pontianak) apabila secara tiba-tiba pihak Rabitah Pontianak mengeluarkan surat kepada Rabitah Alawiyyah (Sarawak) pada 10 Januari 2025 dengan meyakini bahawa keluarga Wan Azizan bukanlah daripada keturunan Ba'alawi kerana nasab mereka tidak bersambung. Alasan yang diberikan mereka adalah menurut catatan (sanad al-Qadri) yang ada pada mereka menunjukkan bahawa Abdullah bin Umar hanya mempunyai dua anak iaitu Muhammad dengan Uthman. Maka dengan alasan itu bahawa Wan Sanusi ini bukanlah daripada keturunan Abdullah bin Umar yang nasabnya terdapat dalam buku besar di Maktab Daimi. Tetapi catatan yang terdapat pada risalah Garut menunjukkan bahawa Sanusi merupakan adik beradik kepada Muhammad dan Uthman yang lahir daripada ibu yang berbeza. Dan ini tercatat pada catatan yang terdapat di Garut yang telah di catat oleh Syarif Hamzah (Ijo Hamzah) yang merupakan pencatat nasab al-Qadri di Garut dan disahkan oleh Habib Ali bin Jaafar Assegaf.

Menurut pihak Maktab Daimi dari Rabitah Alawiyyin, Habib Faisal al-Atthos yang juga merupakan peneliti bagi nasab-nasab serta Ketua Bidang (KABID) Nasab Rabitah Alawiyyah Cabang Depok, menyatakan bahawa pihak Rabitah Alawiyyah (cabang) tidak mempunyai wewenang (kuasa) untuk mengeluarkan surat penafian atau penolakan tersebut. Ianya menyalahi prosedur tugas Rabitah Alawiyyah (Cabang) yang hanya ditugaskan untuk membantu proses atau pemudah cara bagi mereka yang ingin berurusan berkaitan dengan nasab keluarga Ba'alawi. Mereka bukan peneliti nasab ataupun penentu untuk menerima ataupun menolak sesuatu perakuan keturunan mana-mana keluarga yang menisbahkan mereka daripada kalangan Ba'alawi. Tugas Rabitah Alawiyyah cabang adalah membantu menguruskan permohonan mana-maka individu yang ingin mendapatkan perakuan nasab keluarga Ba'alawi melalui Rabitah Alawiyyah. Yang mempunyai kuasa dan autoriti hanyalah Rabitah Alawiyyah Jakarta (Kantor pusat).

Maktab Daimi

Maktab atau Maktabah (perpustakaan) Daimi merupakan pusat pengumpulan catatan-catatan keluarga Alawiyyin. Sejarah tertubuhnya Maktab Daimi ini dimulakan dengan Syeikh Ali bin Abu Bakar Sakran pada abad ke-9 H. Pencatatan nasab Alawiyyin ini dilakukan juga oleh Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad dengan bantuan daripada raja-raja India. Habib Abdullah memerintahkan untuk melakukan pencatatan Alawiyyin di Hadramaut pada abd ke-17 H. Pada akhir abad ke-18, Sayyid Ali bin Syeikh bin Muhammad bin Ali bin Shihab juga melakukan pencatatan sanad Alawiyyin sehingga terkompilasi dalam buku nasab yang berjumlah 18 jilid. Pencatat nasab Alawiyyin yang paling akhir adalah Mufti Hadramaut iaitu Habib Abdurrahman bin Muhammad al-Masyur pada akhir abad ke-19 H. Kemudian ianya diteruskan oleh anak beliau iaitu Sayyid Ali bin Abdurrahman al-Masyur yang terkumpul sebanyak 7 jilid. (Maktabdaimi, 2026).

Ketika Habib Alwi bin Tahir al-Haddad menubuhkan Rabitah Alawiyyah, beliau mempunyai inisiatif untuk melakukan pencatatan nasab bani Alawi yang berada di Indonesia. Maka pada 10 Mac 1932M, Rabitah Alawiyyah telah menubuhkan Maktab Daimi dengan rasminya yang menjadi sebuah Lembaga Rasmi yang bertugas sebagai memelihara sejarah serta catatan nasab keturunan Rasulullah SAW yang tersebar di seluruh pelosok Indonesia. Bagi menjalankan tugas ini maka, ketua pertama Maktab Daimi yang dilantik adalah Sayyid Ali bin Jaafar as-Saggaf yang pada waktu tersebut menjawat jawatan di Dewan Pengawas Rabitah Alawiyyah cabang Betawi. Dengan tanggungan perbelanjaan daripada Rabitah Alawiyyah serta seorang dermawan bernama Sayyid Syeikh bin Ahmad bin Shahab, maka beliau mencatat keluarga Sayyid yang tersebar di Indonesia (Maktabdaimi, 2026).

Tujuan Maktab Daimi ialah, **Mencatat Sejarah Dan Salasilah Alawiyyin Yang Tersebar Dipelbagai Penjuru Indonesia, Sehingga Sejaran Dan Salasilah Alawiyyin Tetap Terpelihara Dan Lsatari.**

Berikut merupakan ketua-ketua Maktab Daimi daripada penubuhan sehingga sekarang.

Bil	Nama	Tahun
1	Sayyid Ali bin Jaafar as-Saggaf	1932-1957
2	Sayyid Hasyim bin Muhammad al-Habsyi	1957-1983
3	Sayyid Muhammad bin Hasyim al-Habsyi	1983-1984
4	Sayyid Hadi bin Ahmad as-Saggaf	1985-1989
5	Sayyid Muhammad bin Alwi Alattas	1990-1995
6	Habib Zaenal Abidin bin Segaf As-Seggaf	1995-2000
7	Sayyid Abubakar bin Seggaf As-Seggaf	2000-2001
8	Habib Abdulrahman bin Abdulkadir Basurah	2002-2006
9	Habib Idrus bin Alwi al-Masyur	2006-2007
10	Habib Muhammad bin Alwi Alattas	2007-2023
11	Habib Sehan bin Abdul Kadir Assegaf	2023-sekarang (2026)

Pengajuan Dokumen Keluarga ke Rabitah Alawiyyah, Jakarta, Indonesia

Pada 15 Januari 2026, dokumen pengajuan nasab keluarga Wan Azizan al-Qadri telah diserahkan ke Rabitah Alawiyyah. Beliau menyerahkan dokumen yang telah diserahkan bersama surat iringan daripada Rabitah Alawiyyah (Sarawak) yang dipengerusikan oleh Tuan Wan Ariffin bin Wan Yon dengan surat bertarikh 20 Disember 2025. Pengajuan dokumen ini adalah proses terakhir sebelum segala data-data yang telah dikumpul di Maktab Daimi tadi akan

di mesyuaratkan (sidang) oleh pihak Rabitah sebelum dipersetujui untuk dikeluarkan buku nasab. Pengeluaran buku nasab ini kelak menandakan bahawa keluarga Wan Azizan al-Qadri ini merupakan pergiktirafan *Shahihun Nasab* atau pengiktirafan tertinggi dalam keabsahan nasab keluarga Ba'alawi. Menurut Habib Faisal, dokumen-dokumen yang disertakan sudah cukup serta lengkap. Sekarang hanya menunggu giliran untuk dimesyuaratkan oleh ahli lembaga bagi memutuskan dikeluarkan buku nasab keluarga Wan Azizan al-Qadri as-Sarawakiy.

Kesimpulan Dan Rumusan

Melalui penelitian dan penelusuran nasab mendalam yang telah dibuat oleh Panglima Syarif Hasan bin Umar al-Qadri (Panglima Singa Pati Keraton Kadriah) sejak tahun 2023 hingga 2025 dan Said Faisal Akbar al-Attas (Kabid Nasab Rabithah Alawiyah cabang Depok, Jakarta) sejak Ogos 2025 melalui badan berautoriti iaitu Maktab ad-Daimi Rabithah Alawiyah, Jakarta, hasil yang didapati adalah permohonan Wan Azizan al-Qadri ini telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapatkan buku nasab yang dikeluarkan oleh badan berautoriti tersebut.

Perjuangan lebih 20 tahun untuk membersihkan nama keluarga daripada fitnah akhirnya membuahkan hasil. Segala usaha akhirnya akan sampai ke penghujungnya. Setelah melalui Kantor Pusat Rabitah Alawiyah Jakarta, bantuan daripada pegawai Maktab Daimi, penelusuran manuskrip-manuskrip khususnya di Garut juga menemukan jalur-jalur lain yang tiada dalam catatan dalam Maktab ad-Daimi yang segala hikmahnya telah ditunjukkan oleh Allah SWT semasa pencarian nasab keluarga Wan Azizan al-Qadri.

Pada saat ini, keluarga Wan Azizan al-Qadri hanya menunggu keputusan daripada Lembaga Rabitah Alawiyah berkenaan permohonan yang telah diberikan. Dalam beberapa waktu kelak, maka akan terzahir apa yang menjadi persoalan daripada pertubuhan, individu, keluarga akan terjawab dengan sendirinya berkenaan dengan nasab keluarga Wan Azizan al-Qadri.

Rujukan

- Abu Yazid Adnan Quthny, A. M. (2021). Urgensi Nasab dalam Islam dan Silsilah Nasab Habaib di Indonesia. *Asy-Syari'ah: Jurnal Hukum Islam Vol.7, No.2,*, 131-151.
- Alawiyyah, R. (2023). *Risalah Tentang Nasab Ahlul Bait dan Nasab Baalawi*. Jakarta: DPP Rabitah Alawiyyah.
- Awatif. (2019). *Konsep Kafa'ah Dan Keluarga Sakinah Dalam Pandangan Pasangan Pernikahan Kaum Alawiyyin Dengan Suku Jawa*. Malang: UIN Maulana Malik Ibrahim.
- Ghazali, M. R. (2015). Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia. *Jurnal Infad*, 7-33.
- Liew, D. (24 November, 2019). *The Patriot*. Retrieved from <https://thepatriots.asia/peristiwa-ming-court-usaha-menggulingkan-taib-mahmud/>
- Muhammad Abdul Majid, S. M. (2024). Perjudohan Dan Pernikahan Di Usia Muda Sebagai Salah Satu Strategi Keluarga Alawiyyin Di Kota Malang Dalam Menjaga Nasab Dan Menciptakan Keluarga Sakinah. *Hikmatina : Jurnal Ilmiah Hukum Keluarga Islam Volume : 6*, 48-58.
- Muslim, I. (n.d.). Shahih Muslim.
- Saiful Anam, M. Y. (2022). Konsep Kafā'ah dalam Pernikahan Syarifah dengan NonSayyid. *Al-Hakim Vol.4 No 2*, 225-236.

Website

- AdminAsyraaf2014. (10 Mei, 2015). *Laman Web Rasmi Asyraaf Malaysia - Persatuan Kebajikan Asyraaf Malaysia (NGO berdaftar dengan KDN Malaysia)*. Retrieved from <https://asyraafmalaysia.com/2015/05/10/sejarah-penubuhan-asyraaf-malaysia/>
- Maktabdaimi. (2026). *Maktab Daimi.org*. Retrieved from <https://www.maktabdaimi.org/sejarah#>
- Syariah, B. M. (2 Februari, 2021). *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Retrieved from <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-masalah-kebaikan>

Interview

- Azizan, W. (11 Januari, 2026). Sejarah Penemuan Nasab al-Qadri. (H. Bakhry, Interviewer)